

**PERSEPSI GURU TERHADAP PENGGUNAAN KARTUN DALAM TRANSFORMASI
PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU**

*(Teacher's Perception Towards The Use Of Cartoons In The Transformation
Of Teaching Malay Language Essay)*

ABDUL RASID JAMIAN
arasid@educ.upm.edu.my
Universiti Putra Malaysia

SHAMSUDIN OTHMAN
shamsudean66@gmail.com
Universiti Putra Malaysia

HUMAIZAH HASHIM
humaizahhashim@yahoo.com.my
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK: Penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Melayu mampu mewujudkan suasana yang seronok dan boleh mempengaruhi emosi murid. Justeru, guru yang mampu menjadikan proses pengajaran berkesan ialah guru yang cemerlang. Hal ini selari dengan tema Hari Guru 2011, iaitu 'Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara'. Kajian yang dijalankan ini bertepatan dengan transformasi pengajaran yang melibatkan bahan bantu mengajar penulisan karangan. Kajian ini melibatkan persepsi 56 orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jenis kartun yang kerap digunakan dalam pengajaran penulisan karangan ialah animasi, iaitu 62.5 peratus, komik bersiri 60.7 peratus, dan gag 51.0 peratus. Manakala strategi yang paling tinggi, iaitu murid diminta membina beberapa ayat berdasarkan bahan gambar kartun memperoleh min 2.51 (SP= 0.83). Murid juga diminta untuk menyebut beberapa perkataan berdasarkan bahan gambar kartun, iaitu min 2.39 (SP= 0.80). Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahan kartun masih lagi tidak popular dalam kalangan guru yang mengajar penulisan karangan sekolah rendah di daerah Sepang, Selangor.

Kata kunci: Penulisan karangan, bahan kartun, sekolah kebangsaan, strategi, bahan bantu mengajar

ABSTRACT: *The use of cartoons as teaching materials in the teaching of writing Malay Language essay is able to influence student's emotion. Therefore, teachers who are able to conduct an effective teaching process are considered excellent teachers. This correlates with the 2011 Teacher's Day theme "Guru Penjana Transformasi Pendidikan Negara". This research involves the transformation of teaching involving the materials used in the teaching of essay writing. This research involves 56 Primary School Malay Language teachers in Sepang, Selangor. The research findings showed that the type of cartoons frequently used are animation 62.5%, comic series 60.7% and gag 51.0%. Meanwhile the*

highest strategy used is students are asked to construct a few sentences based on cartoon pictures with the mean 2.51 (SD = .83) and students are asked to say a few words based on cartoon pictures mean 2.39 (SD= .80). As a conclusion, the research findings showed that the use of cartoons in the teaching of essay writing in primary school in Sepang, Selangor is still not popular.

Keywords: *Writing essay; cartoon materials; primary school; strategies; teaching materials*

PENGENALAN

Guru merupakan individu yang paling penting dalam proses murid mencari ilmu. Tanpa guru, proses pembelajaran yang berlaku mungkin tidak akan berkesan. Guru yang mampu menjadikan proses pengajaran itu berkesan merupakan seorang guru yang baik. Pembelajaran penulisan sememangnya memerlukan guru yang mempunyai ilmu yang tinggi dalam bidang ini. Hal ini kerana proses penulisan atau proses menghasilkan suatu karangan bukan suatu proses yang mudah dan memerlukan keupayaan untuk berfikir secara mendalam.

Dalam penulisan karangan, terdapat pendekatan yang boleh diaplikasikan bagi memudahkan penghasilan sesuatu penulisan karangan. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan pengajaran penulisan Raimes (dalam Zamzuri 2010). Raimes telah mengemukakan empat pendekatan pengajaran penulisan, iaitu pendekatan terkawal, pendekatan bebas, pendekatan pola perenggan, dan pendekatan komunikatif. Melalui pendekatan terkawal, guru dapat memandu dan mengawal murid daripada melakukan kesalahan. Pendekatan bebas pula memberi kebebasan kepada murid untuk menyuarakan pendapat mereka tentang sesuatu tajuk atau tema penulisan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini hanya sesuai digunakan bagi murid yang sudah dapat menguasai bahasa dengan baik. Manakala pendekatan pola perenggan pula lebih mengutamakan ciri-ciri pembentukan perenggan yang baik dan pendekatan ini dapat melatih murid supaya berkeupayaan untuk memberikan pendapat dalam perenggan dengan kemas dan teratur. Melalui pendekatan ini juga dapat membantu murid mengetahui cara-cara meringkaskan penulisan dengan baik. Akhir sekali pendekatan komunikatif menegaskan tentang seseorang yang sudah mempunyai pengetahuan tentang struktur bahasa dan kebolehan membina ayat-ayat yang gramatis. Hasil penulisan ini adalah untuk dibaca oleh orang lain atau masyarakat.

Berdasarkan pendekatan ini, guru perlu mempunyai ilmu pedagogi yang cukup untuk menyampaikan pengetahuan kepada murid. Guru yang menggunakan pendekatan yang sesuai dan digandingkan dengan bahan bantu mengajar yang sesuai juga mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Ini juga dapat menarik dan meningkatkan motivasi murid untuk belajar. Oleh sebab itu, dalam usaha untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani, guru perlu memainkan peranan yang penting dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid & Norhayat 2005).

Sehubungan itu, penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan mampu mewujudkan suasana yang seronok dan boleh

mempengaruhi emosi murid untuk belajar dengan lebih tekun. Kartun adalah suatu penghasilan unik yang diminati oleh pelbagai peringkat manusia (Abdul Ghani et al. 2007). Penggunaan bahan kartun atau karikatur daripada akhbar ataupun majalah boleh dieksploitasi dalam bentuk refleksi peristiwa, menghurai ataupun mengkritik watak dan menulis dialog dengan menggunakan imaginasi sendiri. Menurut mereka lagi, bahan kartun yang dapat dipelbagaikan kegunaan itu menjadi medan untuk murid mengasah minda dan minat bagi menghujah dan berinteraksi sesuai dengan tajuk yang dipelajari. Bahan kartun dan karikatur ini juga dapat digunakan bagi mempertajam lagi daya kreativiti dan imaginasi murid dengan aktiviti meramal sebelum atau selepas sesuatu cerita.

Kini, sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang maju. Seiring dengan kemajuan yang telah dikecapi, corak pengajaran guru tidak lagi berfokuskan kepada peperiksaan. Oleh itu, guru lebih kreatif dalam menyampaikan pengajaran. Oleh sebab pengajaran adalah suatu proses menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid, guru-guru perlu memilih bahan bantu mengajar yang sesuai bagi menghasilkan pembelajaran yang berkesan terhadap murid-murid. Bahan bantu mengajar ini merangkumi apa-apa sahaja jenis media atau alat yang membantu para guru untuk mencapai objektif pengajarannya (Abdul Rasid & Arbaie 2001).

Pengajaran adalah menyampaikan ilmu pengetahuan yang terkandung dalamnya aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan serta penilaian. Pembelajaran yang berkesan terhasil daripada pengajaran yang afektif. Untuk menjadikan lebih afektif, seseorang guru itu perlu kreatif dalam menyediakan atau memilih bahan pengajaran yang sesuai serta tepat dengan isi kandungan yang hendak disampaikan kepada murid. Guru juga perlu merancang untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai bagi mewujudkan suasana yang kondusif serta dapat menarik minat murid untuk belajar terutama dalam pembelajaran penulisan karangan (Abdul Rasid & Norhayat 2005).

Dalam proses menghasilkan sesebuah penulisan karangan, seseorang murid perlu berpengetahuan tinggi serta idea yang mencukupi. Murid perlu banyak membaca bagi membolehkan proses menghasilkan penulisan karangan berjalan dengan lancar dan sempurna. Terdapat beberapa kajian yang membuktikan bahawa tahap minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini dapat dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh *Frank Small & Associates* bagi pihak Perpustakaan Negara Malaysia pada 1996 menunjukkan bahawa rakyat Malaysia hanya membaca dua buah buku dalam masa setahun (Portal Rasmi Pejabat Pelajaran Daerah Kerian, 2011). Hal ini membuktikan bahawa sikap tidak minat membaca mendominasi diri setiap individu. Jadi, guru perlu memikirkan strategi pengajaran penulisan karangan yang lebih afektif bagi menjadikan pengajaran yang berkesan.

Kartun merupakan lukisan yang membawa mesej jenaka atau lucu yang mampu membolehkan murid mengingati setiap peristiwa yang dipamerkan melalui gambar kartun. Kartun merupakan bahan bacaan yang ringan dan sesuai untuk kanak-kanak khususnya dan murid sekolah rendah amnya (Frey & Fisher 2008). Penggunaan bahan kartun sebagai bahan pembelajaran penulisan karangan, memudahkan murid dalam mengingati peristiwa yang telah mereka pelajari dan sekaligus membolehkan mereka

menghasilkan karangan yang lebih bermutu. Hal ini kerana kartun merupakan suatu bahan yang menarik serta menghiburkan. Kartun merupakan suatu simbol yang mudah untuk difahami. Menurut Abdul Ghani, Abd. Rahman dan Abdul Rashid (2007), bahasa yang digunakan dalam kartun biasanya adalah ringkas, mudah difahami, kadangkala ada unsur slanga dan seakan-akan bahasa pasar (bersifat kolokial). Di samping itu, kartun ditafsirkan sebagai sejenis lukisan yang mengisahkan hal sehari-hari secara berjenaka. Menurut Abdul Rasid dan Norhayat (2005), bahan kartun boleh merangsangkan minat dan motivasi murid-murid supaya mereka turut terlibat secara aktif dalam pembelajaran. Tambahan lagi, kartun amat menyeronokkan, mewujudkan kelas yang aktif dan berfungsi sebagai bahan bantu mengajar yang memberikan banyak manfaat.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan bahan kartun dalam pembelajaran. Kanak-kanak biasanya dikaitkan dengan kartun. Kanak-kanak juga merupakan golongan yang fanatik terhadap kartun. Oleh hal yang demikian, kartun boleh dijadikan sebagai medium dalam pembelajaran menulis karangan bagi murid sekolah rendah. Penggunaan kartun sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran bukanlah suatu perkara yang baharu. Hal ini kerana negara-negara Barat khususnya negara maju telah menggunakan kartun secara meluas sebagai bahan pembelajaran. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam (2009) untuk melihat keberkesanan modul kartun dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi tingkatan 4. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa minat murid-murid didapati telah meningkat selepas mengikuti pelajaran Biologi dengan menggunakan modul kartun. Menurut dapatan kajian ini lagi, peningkatan tahap minat murid terhadap Biologi disebabkan oleh faktor kartun, iaitu unsur jenaka dapat memberikan keseronokan untuk belajar. Menurut Jacobs (2007) dalam Ong Eng Tek dan Ahmad Nizam (2009), komik adalah teks berasaskan perkataan yang dipermudahkan dan seseorang akan mudah memahami melalui gambar komik.

Tuntasnya, bahan kartun sememangnya sesuai untuk dijadikan bahan bantu mengajar bagi mengajarkan penulisan karangan. Hal ini disebabkan oleh faktor kartun itu sendiri sememangnya digemari oleh ramai orang amnya dan kanak-kanak khususnya.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti penggunaan kartun dalam transformasi mengajarkan penulisan karangan dalam kalangan murid sekolah rendah. Manakala objektif khusus kajian ini pula adalah untuk:

1. Mengetahui jenis kartun yang digunakan dalam pengajaran penulisan karangan dalam kalangan murid sekolah rendah.
2. Menganalisis strategi dan kemahiran yang digunakan dalam mengajarkan penulisan karangan menggunakan bahan kartun terhadap murid sekolah rendah.

PERSOALAN KAJIAN

Dalam menjawab objektif kajian, maka tiga persoalan kajian dibina, iaitu seperti berikut:

1. Apakah jenis kartun yang digunakan dalam pengajaran penulisan karangan murid sekolah rendah?
2. Apakah strategi yang digunakan dalam mengajarkan penulisan karangan dengan menggunakan bahan kartun serta kekerapan penggunaannya?
3. Apakah kemahiran yang diperlukan dalam mengajarkan penulisan karangan menggunakan bahan kartun dalam kalangan murid sekolah rendah?

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk deskriptif dengan membuat tinjauan tentang persepsi guru sekolah rendah dalam mengaplikasi bahan kartun untuk mengajarkan penulisan karangan. Menurut Sidek (2002), kajian deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik tentang fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Menurut Noraini (2010) pula, kajian deskriptif berguna apabila penyelidik hendak mengumpul data berhubung dengan fenomena yang tidak dapat diperhatikan secara langsung. Ini jelas berkaitan dengan kajian ini iaitu pengkaji ingin mengetahui tentang fenomena pendekatan pembelajaran khususnya dalam pengajaran penulisan karangan. Justeru, pengkaji mengkaji aspek penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan karangan oleh guru sekolah rendah.

Bagi memperoleh data kajian pengkaji telah menyediakan soal selidik bagi memperoleh persepsi guru tentang penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan karangan. Soal selidik tersebut terbahagi kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A: Latar belakang responden, Bahagian B: Jenis-jenis kartun yang digunakan, Bahagian C: Strategi dalam penggunaan kartun dan Bahagian D: Kemahiran yang sering digunakan dalam penggunaan kartun untuk pengajaran penulisan karangan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan skala Likert iaitu 1 untuk tidak setuju, 2 untuk kurang setuju, 3 untuk setuju dan 4 untuk sangat setuju. Soal selidik ini telah dibina oleh pengkaji dan telah diperakukan oleh pakar dalam bidang berkaitan. Ini diikuti dengan kajian rintis yang telah dijalankan dan didapati nilai Pekali Cronbach Alfa iaitu 0.93. Ini menunjukkan bahawa item yang digunakan memuaskan.

Dalam usaha mengumpul data kajian, pengkaji telah menghantar soal selidik kepada guru-guru Bahasa Melayu di beberapa buah sekolah rendah di dalam daerah Sepang, Selangor. Pengkaji telah menghantar kepada semua guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan di daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan iaitu sebanyak 96 orang guru. Namun begitu sebanyak 56 responden telah mengembalikan soal selidik yang lengkap. Ini sudah mencukupi untuk melakukan kajian bagi mengenal pasti suatu fenomena. Berdasarkan pendapat Mohd Majid (2005), penggunaan saiz sampel perlu melebihi 30 responden kerana andaian bahawa taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz sampel melebihi 30 unit.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Data berkenaan dengan latar belakang responden ini merangkumi jantina, kaum, lokasi sekolah, dan pengalaman mengajar. Terdapat seramai 56 responden yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu sekolah rendah di daerah Sepang. Jadual 1 menunjukkan data sampel kajian mengikut jantina. Jumlah keseluruhan sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 56 orang. Sebanyak 11 orang adalah guru lelaki atau 19.6 % yang terlibat dalam kajian ini dan seramai 45 guru atau 80.4% ialah guru perempuan. Terdapat perbezaan yang ketara antara jumlah responden lelaki dengan responden perempuan.

Manakala dapatan kajian yang menunjukkan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu mengikut tempoh perkhidmatan mereka. Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat seramai 11 guru Bahasa Melayu atau sebanyak 19.6% mempunyai tempoh mengajar atau pengalaman mengajar antara satu hingga lima tahun. Ini diikuti seramai empat orang atau sebanyak 7.1% guru mempunyai pengalaman mengajar antara enam hingga 10 tahun. Manakala bagi guru yang mempunyai pengalaman mengajar tempoh antara 11 hingga 15 tahun pula seramai 15 orang atau sebanyak 26.8%. Seterusnya, guru yang mempunyai pengalaman mengajar tempoh antara 16 hingga 20 tahun pula seramai 8 orang iaitu sebanyak 14.3%. Bagi guru yang mempunyai tempoh pengalaman mengajar 21 tahun dan ke atas pula ialah seramai 18 orang atau 32.1%. Jumlah ini merupakan jumlah tertinggi bagi guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar bagi tempoh 21 tahun dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa, guru-guru di sekolah rendah kebanyakannya terdiri daripada guru-guru lama yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang pendidikan.

Jadual 1: Pecahan sampel kajian mengikut jantina

Items	Frekuensi (<i>f</i>)	Peratus (%)
Jantina:		
• Lelaki	11	19.6
• Perempuan	45	80.4
Tempoh		
1 hingga 5 tahun	11	19.6
6 hingga 10 tahun	4	7.1
11 hingga 15 tahun	15	26.8
16 hingga 20 tahun	8	14.3
21 tahun dan ke atas	18	32.1

Jenis Kartun yang Digunakan oleh Guru Bahasa Melayu dalam Mengajarkan Penulisan Karangan

Dalam memperoleh data dapatan kajian tentang jenis kartun yang digunakan oleh guru untuk mengajar penulisan karangan. Merujuk Jadual 2, kekerapan jenis kartun yang

digunakan oleh guru sekolah kebangsaan sebagai bahan bantu mengajar untuk pengajaran penulisan karangan. Jenis kartun yang popular dan sering kali digunakan oleh guru ialah kartun animasi. Seramai 35 orang (62.5%) responden mengakui mereka pernah menggunakan kartun jenis animasi. Manakala jenis kartun yang kurang popular dalam kalangan guru ialah kartun politik, iaitu seramai 5 orang (8.9%) responden sahaja. Bagi jenis kartun-kartun lain pula seperti kartun gag seramai 29 orang (51%), kartun perniagaan seramai 17 orang (30.4%) dan kartun karikatur pula seramai 18 orang (32.2%). Manakala kartun yang paling kerap digunakan selain kartun animasi ialah kartun komik bersiri, iaitu seramai 34 orang (60.7%) daripada jumlah keseluruhan responden yang menggunakannya. Lain-lain kartun seperti kartun klise seramai 26 orang (46.4%) dan kartun klasik seramai 23 orang responden (21.1%).

Jadual 2: Jenis kartun yang kerap digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan

Bil.	Jenis Kartun	Frekuensi		Peratus (%)	
		Ya	Tidak	Ya	Tidak
1.	Gag	29	27	51	29
2.	Politik	5	51	8.9	91.1
3.	Perniagaan	17	39	30.4	69.6
4.	Karikatur	18	38	32.2	67.9
5.	Komik bersiri	34	22	60.7	39.3
6.	Animasi	35	21	62.5	37.5
7.	Klise	26	30	46.4	53.6
8.	Klasik	23	33	21.1	78.9

Strategi Penggunaan Bahan Kartun dalam Pengajaran Penulisan Karangan

Berdasarkan Jadual 3, analisis dapatan kajian menunjukkan strategi penggunaan bahan kartun dalam pengajaran penulisan karangan. Min keseluruhan bagi strategi penggunaan bahan kartun ini sedikit rendah, iaitu 2.37, (SP= .80). Hal ini menjelaskan bahawa kesemua strategi tersebut kurang digunakan oleh responden semasa pengajaran dan pembelajaran. Peratusan tertinggi ialah 55.4% yang menyatakan bahawa kadang-kadang sahaja guru menggunakan dalam mengajarkan penulisan karangan, iaitu murid diminta untuk meneliti bahan gambar kartun pengajaran dengan min 2.30 (SP= .76). Bagi, peratusan kedua tertinggi, iaitu 50.0% juga menyatakan bahawa kadang-kadang sahaja menggunakan strategi dalam meminta murid membuat latihan penulisan berdasarkan bahan gambar kartun dengan min 2.3 (SP= .76).

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula, guru kerap meminta murid untuk menyebut beberapa perkataan berdasarkan bahan gambar kartun dan begitu juga guru kerap meminta murid membina beberapa ayat berdasarkan bahan gambar kartun, masing-masing memperoleh min 2.39 (SP= .80) dan 2.51 (SP= .83). Manakala guru kadang-kadang meminta murid berkongsi dengan bercerita pengalaman sendiri berdasarkan bahan kartun memperoleh min 2.34 (SP= .87).

Jadual 3: Strategi penggunaan bahan kartun dalam pengajaran penulisan karangan

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Murid diminta untuk meneliti bahan gambar kartun pengajaran.	2.30	.76
2.	Murid membuat latihan penulisan berdasarkan bahan gambar kartun.	2.30	.76
3.	Murid diminta untuk menyebut beberapa perkataan berdasarkan bahan gambar kartun.	2.39	.80
4.	Murid diminta membina beberapa ayat berdasarkan bahan gambar kartun.	2.51	.83
5.	Murid diminta berkongsi dengan bercerita pengalaman sendiri berdasarkan bahan gambar kartun.	2.34	.87
Min Keseluruhan		2.37	.80

Kemahiran Penggunaan Kartun dalam Pengajaran Penulisan Karangan.

Jadual 4 pula menunjukkan kemahiran penggunaan kartun sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran penulisan karangan. Min keseluruhan ialah 2.99 (SP= .61). Ini berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperoleh berdasarkan maklum balas responden tentang penggunaan kartun. Min keperluan kemahiran yang paling tinggi pula ialah 3.28 (SP= .56) iaitu rata-rata responden bersetuju bahawa mereka ingin meningkatkan lagi kemahiran diri sendiri dalam menggunakan kartun dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Responden juga mengakui bahawa mereka memerlukan pendedahan secara meluas tentang kemahiran menggunakan kartun iaitu min 3.10 (SP= .52).

Jadual 4: Kemahiran penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan karangan

Bil.	Penyataan	Min	Sisihan Piawai
1.	Penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan tidak memberi masalah kepada saya.	3.00	.63
2.	Saya mudah menyediakan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar	2.50	.68
3.	Saya memerlukan kursus dan pendedahan tentang penggunaan kartun sebagai bahan bantu.	3.09	.66
4.	Pendedahan tentang kemahiran menggunakan kartun sebagai bahan bantu mengajar amat diperlukan oleh saya.	3.10	.52
5.	Sekiranya diberi peluang, saya ingin meningkatkan kemahiran menggunakan kartun sbg bahan bantu mengajar	3.28	.56
Min Keseluruhan		2.99	.61

Selain itu, mereka juga memerlukan kursus dan latihan secara berterusan untuk memantapkan lagi kemahiran yang sedia ada memperoleh min =3.08 (SP= .66). Manakala untuk kemahiran seperti penggunaan kartun dalam pengajaran penulisan karangan tidak memberi masalah memperoleh min 3.00 (SP= .63). Hal ini menunjukkan

bahawa penyediaan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar penulisan karangan bukanlah suatu perkara yang sukar dilakukan oleh guru. Ini terbukti melalui maklum balas bahawa guru mudah menyediakan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar min yang diperolehi ialah 2.50 (SP= .68).

PERBINCANGAN

Jenis Kartun dan Penggunaannya dalam Pengajaran Penulisan Karangan

Berdasarkan analisis dapatan kajian, didapati penggunaan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar penulisan karangan bukan bahan yang popular dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Terdapat lapan jenis kartun yang menjadi bahan ukuran dalam kajian ini iaitu kartun gag, politik, perniagaan, karikatur, komik bersiri, animasi, klise dan klasik. Dapatan kajian membuktikan bahawa kartun animasi merupakan jenis kartun yang terbanyak digunakan oleh guru iaitu sebanyak 35 guru (62.5%) yang mengatakan bahawa mereka menggunakan kartun jenis ini dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh kartun animasi lebih popular berbanding dengan jenis-jenis kartun yang lain. Penggunaan kartun animasi dalam proses penyampaian maklumat membolehkan penyampaian menjadi lebih mudah dan berkesan serta mampu menarik perhatian para penonton supaya memberikan fokus kepada isi kandungan yang ingin disampaikan (Jamalludin & Zaidatun, 2005).

Kenyataan ini juga turut disokong oleh Aminordin (2007), yang menyatakan bahawa animasi merupakan cara yang efektif untuk menarik perhatian dan berpotensi menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan. Dalam hal ini, animasi merupakan jenis kartun yang paling banyak digunakan oleh guru untuk mengajarkan penulisan karangan. Manakala, jenis kartun yang paling jarang digunakan oleh guru ialah kartun jenis politik. Ini mungkin disebabkan oleh faktor jenisnya iaitu politik. Kemungkinan kurang bersesuaian dengan tahap pemikiran murid sekolah rendah. Maka, penggunaannya agak terhad kepada beberapa perkara sahaja. Penggunaan kartun dapat menjalinkan hubungan mesra yang akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif antara guru dengan murid, memudahkan keseronokan dalam pembelajaran. Ini bererti, kartun merupakan bahan yang dianggap bacaan ringan dan tidak membebankan pemikiran murid (Abdul Ghani et al. 2007). Bagi kartun lain seperti kartun gag sebanyak 51.8% guru pernah menggunakan kartun ini dalam pengajaran penulisan karangan. Bagi kartun perniagaan sebanyak 30.4% , kartun karikatur (32.1%), komik bersiri (60.7%), klise (46.4%) dan klasik (41.1%) yang pernah menggunakan kartun-kartun ini sebagai bahan bantu mengajar.

Strategi Penggunaan Bahan Kartun dalam Pengajaran Penulisan Karangan dan Kekerapan Penggunaannya

Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan, strategi yang kerap digunakan oleh guru ialah murid diminta membina beberapa ayat berdasarkan bahan gambar kartun dengan skor min 2.51, sp=.83. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dilakukan oleh

Faridah, Nooreiny dan Raja Mohd. Fauzi (2001), yang menyatakan bahawa kumpulan murid yang dikaji berupaya mengeluarkan idea untuk bercerita, tetapi lemah dalam kemahiran peraturan konvensi dan menyebabkan penulisan mereka secara keseluruhan sukar untuk difahami dan diikuti. Beliau juga berpendapat, murid yang lemah memerlukan pengajaran kemahiran menulisan yang lebih efektif. Ini bermakna, sekiranya pengajaran penulisan karangan menggunakan bahan kartun dan murid diminta untuk membina ayat berdasarkan gambar tersebut, sedikit sebanyak mampu memberikan idea kepada murid dalam menghasilkan penulisan karangan.

Hal ini juga disokong oleh Yahya, Roselan dan Naffi (2009), yang menyatakan bahawa pembelajaran bahasa bukan merupakan suatu yang mudah. Jadi, humor merupakan elemen yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Bagi strategi lain seperti murid diminta untuk meneliti bahan gambar kartun dengan min 2.30 (SP= .76), strategi murid membuat latihan penulisan berdasarkan bahan gambar kartun dengan min 2.30 (SP= .76), strategi murid diminta untuk menyebut beberapa perkataan berdasarkan bahan gambar kartun dengan min 2.39 (SP= .80) dan strategi murid diminta berkongsi pengalaman sendiri berdasarkan bahan gambar kartun dengan min 2.34 (SP= .87). Rata-rata guru mengakui bahawa mereka kadang-kadang sahaja menggunakan strategi ini dalam mengajarkan pengajaran penulisan karangan.

Penggunaan bahan yang mampu menarik perhatian murid sememangnya perlu diterapkan oleh semua guru dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Namun, masih terdapat lagi segelintir guru terutamanya guru yang telah lama berkhidmat yang masih menggunakan kaedah tradisional seperti yang terdapat dalam dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa responden kurang atau jarang menggunakan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar. Bahkan, dan ada juga yang tidak pernah menggunakan langsung bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar.

Dalam meningkatkan lagi prestasi murid dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, guru Bahasa Melayu perlu memantapkan lagi corak pengajaran mereka setanding dengan dunia semasa. Guru bahasa Melayu kini perlu lebih kreatif dan inovatif dalam memberikan yang terbaik kepada anak didik mereka. Menurut Awang (2011) kegiatan kebahasaan yang kreatif dan inovatif bagi memupuk kecintaan terhadap Bahasa Melayu, terutama kepada generasi muda perlu diperhebat dan diperbanyak dalam memastikan Bahasa Melayu terus mekar dan terus maju.

Di samping itu, pihak pengurusan dan pentadbir sekolah juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan guru-guru menyampaikan sesuatu yang berkualiti kepada murid. Pihak pengurusan dan pentadbir juga perlu terus memberikan sokongan yang padu kepada guru bagi memastikan guru-guru sentiasa ingin melakukan transformasi pengajaran ke arah yang lebih baik. Dalam hal ini, pihak pengurusan dan pentadbir perlu mengadakan lebih banyak kursus pedagogi di peringkat sekolah dengan menjemput penceramah dari luar untuk menyampaikan ilmu pedagogi yang terkini kepada guru.

KESIMPULAN

Dapatan kajian mendapati jenis kartun yang popular yang digunakan oleh guru sebagai bahan bantu mengajar ialah kartun jenis animasi. Bagi strategi yang mempunyai peratusan tertinggi ialah murid diminta membina ayat berdasarkan bahan gambar kartun. Walaupun strategi ini mendapat peratusan paling tinggi, namun strategi ini bukan kerap digunakan oleh guru, tetapi hanya kadang-kadang sahaja guru menggunakan strategi ini dalam pengajaran penulisan karangan. Seterusnya, bagi subtopik kemahiran yang mendapat peratusan tertinggi bagi jawapan setuju pula ialah pendedahan tentang kemahiran menggunakan kartun sebagai bahan bantu mengajar amat diperlukan oleh guru. Di samping itu, peratusan tertinggi yang bersetuju bagi masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam menggunakan bahan kartun ialah menyediakan kartun sebagai bahan bantu mengajar penulisan tidak memerlukan perbelanjaan yang mahal. Sementara itu, peratusan tertinggi bagi kepentingan penggunaan bahan kartun dalam pengajaran penulisan pula responden mengakui bahawa mereka dapat mencetuskan suasana belajar yang ceria dengan penggunaan kartun sebagai bahan bantu mengajar. Oleh itu, kesimpulannya bahawa semua pihak perlu berganding bahu bagi merealisasikan impian negara untuk melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, Abd. Rahman Abdul Aziz & Abdul Rashid Mohamed. (2007). *Humor dalam pengajaran*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian & Arbaie Sujud. (2001). *Integrasi media: Pengajaran bahasa dan sastera*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Abdul Rasid Jamian & Norhayat Marzuki. (2005). Persepsi guru terhadap penggunaan teknik permainan dan simulasi. Prosiding Seminar Pendidikan: Pendidikan Untuk Pembangunan Lestari. Tanjung Malim. 28-30 Ogos.
- Aminordin Che Lah. (2007). *Grafik animasi dalam pengajaran dan pembelajaran*. Tesis Sarjana Pendidikan. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Awang Sariyan. (2011). Pelajar asing belajar Bahasa Melayu melalui Upin dan Ipin. *Akhbar Kosmo*, 17 Mac.
- Faridah Serajul Haq, Nooreiny Maarof & Raja Mohd Fauzi Raja Musa. (2001). Masalah penulisan naratif. *Jurnal Pendidikan*, 273-26.
- Frey, N. & Fisher, D. (Eds.). (2008). *Teaching visual literacy*. Carlifornia: Corwin Press.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. (2005). *Multimedia dalam pendidikan*. Bentong: PTS Publications Sdn. Bhd.
- Ong Eng Tek & Ahmad Nizam Abdullah. (2009). Keberkesanan modul kartun dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi Tingkatan Empat. *Jurnal Sains dan Matematik*, 1 (2): 77-86.

- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Noraini Kaprawi. (2010). Kajian tinjauan secara kuantitatif. Dlm. Noraini Idris (Pnyt). *Penyelidikan dalam pendidikan*, 195-214. Kuala Lumpur: Mc Graw-Hill (M) Sdn. Bhd.
- Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat. (2009). *Pemeriksaan pendidikan Bahasa Melayu dari teori ke praktik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn. Bhd.
- Zamzuri Mohamed. (2010). *Pengajaran pembelajaran penulisan karangan*. Retrieved Januari 3, 2011, from <http://retibasa.blogspot.com/2010/04/pengajaran-pembelajaran-penulisan-html>
- (2011). Retrieved from Portal Rasmi Pejabat Pelajaran Daerah Kerian:
<http://www.ppdkerian.edu.my/portal/modules.php?name=News&file=print&sid=24>

Maklumat lanjut, boleh hubungi:

Prof. Madya Dr. Abdul Rasid Jamian
Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor.
arasid@educ.upm.edu.my